


Headline	RISIKO RAMAI pasangan seks		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	14	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	800 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,981
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,943



Remaja mahu tahu padah jangkitan daripada hubungan intim

MEMPUNYAI ramai pasangan seks adalah satu gaya hidup tidak sihat dan berisiko tinggi menyebabkan jangkitan seksual termasuk HIV.

Sekiranya seseorang individu mempunyai ramai pasangan seks dan melakukan hubungan emosi yang intim dengan setiap pasangan berkenaan, ia dipanggil tingkah laku seks berbilang pasangan (multiple sexual partner).

Namun, jika seseorang itu mempunyai pasangan seks yang melebihi seorang pada suatu masa tanpa mempunyai hubungan emosi yang intim, ia dipanggil tingkah laku seks rambang (promiscuous).

Risiko adalah lebih besar jika mengamalkan seks rambang kerana mereka langsung tidak mengetahui latar belakang sejarah seksual pasangan mereka. Selain daripada jangkitan penyakit seksual dan HIV atau AIDS, mereka boleh mendapat kehamilan yang tidak dirancang, seterusnya terdedah kepada kemungkinan penguguran tidak selamat.

Penguguran tidak sela-

mat adalah pengguguran janin yang sengaja dilakukan tanpa menggunakan kaedah perubatan selamat atau tidak mengikut prosedur yang betul.

Ia berisiko menyebabkan komplikasi seperti pangkal rahim terkoyak, pendarahan

yang teruk dan jangkitan kuman.

Antara jenis penyakit jangkitan seksual yang boleh dihadapi selain dari HIV adalah gonorea, sifilis, klamidia, herpes genital, dan ketuat genital. Komplikasi penyakit ini menyebabkan;

- Penyakit radang pelvik
- Kemandulan
- Kandungan luar rahim
- Kanser serviks
- Jangkitan kepada bayi semasa proses kelahiran
- Keguguran, kematian janin dan kecacatan kepada bayi yang baru lahir.

Penyakit jangkitan seksual boleh diubati sehingga sembuh kecuali penyakit herpes, di mana penyakit ini berisiko berulang dengan sendiri.

Cara mengetahui Sama ada seseorang dijangkiti HIV?

Individu mungkin kelihatan sihat dan berasa sihat walaupun dijangkiti HIV. Justeru, kita tidak boleh mengetahui tanda seseorang dijangkiti HIV melainkan dengan ujian darah yang dikenali sebagai Ujian Antibodi HIV. Oleh itu, penting bagi pasangan baru mengetahui latar belakang sejarah seksual seseorang sebelum membuat keputusan melakukan hubungan seks dengannya.

Cara mengelak mendapat Jangkitan HIV?

Abstinen atau tidak melakukan seks adalah cara terbaik. Sekiranya seseorang itu aktif melakukan seks, mereka boleh mengamalkan hubungan seks selamat menerusi beberapa cara antaranya;

- Setia kepada pasangan.
- Elak bertukar-tukar pasangan.
- Menggunakan kondom.
- Walaupun ia tidak 100 peratus berkesan dalam pencegahan HIV, ia mampu mengurangkan risiko jangkitan.
- Cara lain adalah tidak berkongsi jarum suntikan dalam apa juga keadaan sekali pun.

Berbalik kepada soalan adik tadi, kawan adik sangat

berisiko mendapat jangkitan HIV dan penyakit jangkitan seksual yang lain. Pada peringkat awal, pembawa atau penghidap virus HIV mungkin tidak menunjukkan apa-apa simptom atau tanda, sehinggalah sistem imun menjadi rendah dan menyebabkan dia mudah jatuh sakit.

Sebagai sahabat yang ikhlas, elok sekiranya adik dapat menasihati kawan adik mengambil tindakan segera bagi melindungi diri, seperti disarankan di atas.

Ujian saringan HIV boleh dilakukan secara percuma dan dijamin kerahsiaan daripada pihak luar sama ada dilakukan di mana-mana klinik kafe@TEEN, LPPKN atau di semua Pusat Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.



Info

Kolum ini hasil kerjasama dengan kafe@TEEN kelolaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Remaja atau ibu bapa yang memiliki anak remaja dan mahu berkongsi masalah dengan kaunselor kafe@TEEN boleh menghantar soalan ke e-mail binggwa@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Berita Minggu, Berita Harian, Balai Berita, 31, Jalan Riang, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.